

Hari Keluarga UMS-KAL 2012 meriah

UM 27-06-2012 26

LABUAN 26 Jun - Hari Keluarga Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 2012 Sabtu lalu disambut meriah dengan kehadiran warga universiti itu.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, bertemakan '1UMS-KAL Keluarga Harmoni', aktiviti itu bertujuan mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara pegawai, pensyarah dan kakitangan

universiti berkenaan.


"Selepas kita penat bekerja seharian pada hari Isnin hingga Jumaat, sampailah masanya untuk kakitangan merehatkan minda dan tenaga bagi menjayakan aktiviti sempena hari keluarga UMS-KAL," katanya.

Hadir sama, isteri beliau, Wan Azmona Wan Mohamed; Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim dan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan selaku Pengerusi Ja-

watankuasa Penganjur, Suprianto Mohd. Noor.

Hari Keluarga UMS-KAL itu turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sukaneka antaranya, tarik tali dan membaling kelapa.

Dr. Shariff berharap hubungan mesra warga UMS-KAL dapat dikekalkan dan diteruskan ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai kakitangan awam institusi pengajian tinggi itu.



SHARIFF Abdul Kadir Omang (empat dari kiri) memerhatikan Suprianto Mohd. Noor membaling kelapa sempena Hari Keluarga UMS-KAL di Padang Bola UMS-KAL, Labuan, baru-baru ini.